

Headline	PBMM mahu tukar format Piala Emas Raja Raja		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	20 Aug 2016	Language	Malay
Circulation	1,270,667	Readership	3,812,000
Section	Arena	Page No	72
ArticleSize	226 cm ²	Journalist	Aziman Rosdi
PR Value	RM 26,607		



PBMM mahu tukar format Piala Emas Raja-Raja

Aziman Rosdi
aziman@hmetro.com.my

Petaling Jaya

Persatuan Bolasepak Melayu Malaysia (PBMM) berhasrat menukar format Kejohanan Piala Emas Raja-Raja (PERR) kepada liga jika mendapat peruntukan kewangan pihak penaja.

Penganjuran PERR terus diadakan tahun ini bermula dengan perebutan Piala Agong yang mempertemukan Negeri Sembilan dengan Perak di Stadium Tunku Abd Rahman, Paroi pada 23 Oktober ini.

Ketika ini PERR menggunakan format kumpulan namun dalam majlis undian kejohanan itu semalam, Pemangku Presiden PBMM Ishsam Shahrudin (*bawah*) menyatakan mereka bersedia melakukan perubahan jika mendapat sokongan ramai pihak dari segi kewangan.

"Kita nak buat perancangan jangka masa panjang, cuba untuk menukar format (liga) tapi itu memerlukan sumber kewangan besar.

"Tapi kalau kita ada penaja saya percaya kita boleh buat format baru dalam bentuk liga," katanya dalam sidang media semalam.

Menerusi undian itu, juara bertahan Negeri Sembilan berada

dalam Kumpulan B bersama Selangor, TNB dan Perak.

Kumpulan A membabitkan Pahang, Pulau Pinang, PDRM dan Singapura, Kumpulan C ATM, Terengganu, Kuala Lumpur dan Kedah manakala Kumpulan D Kelantan, Johor, Perlis dan Warisan Melayu Melaka.

Sementara itu bagi pengurus skuad Negeri Sembilan Datuk Kamarul Nizam Mohd Sharip berkata mereka akan memulakan misi kejuaraan berganda kali ini dengan berusaha untuk merebut Piala Agong daripada juara bertahan Perak.

"Kami menghormati Perak tapi kali ini kami mahu mempertahankan Piala Emas Raja-Raja dan cuba merangkul Piala Agong. Cuma kami mungkin ada sedikit masalah untuk menukarkan pemain Liga Perdana tapi ini akan cuba diatasi dalam perbincangan selepas ini," katanya.



FOTO: OWEE AH CHUN